

Bab 6

Memperkukuh Infrastruktur yang Menyokong Pembangunan PKS



1. Infrastruktur Fizikal - Bersatu Teguh	109
2. Infrastruktur Pengawalseliaan - Piawai Kecemerlangan	117
3. Infrastruktur Maklumat - Pengetahuan Elemen Penting	118



Dalam era globalisasi, persekitaran perniagaan PKS turut berubah. Kemajuan teknologi dalam logistik dan pengagihan membolehkan perusahaan perniagaan beroperasi dalam pasaran global. Pewujudan persekitaran yang kondusif untuk kegiatan perniagaan, disokong oleh infrastruktur yang teguh adalah penting dalam membina sektor PKS yang berdaya tahan dan berdaya saing. Oleh itu, inisiatif yang dilaksanakan merangkumi tiga bidang utama, iaitu membangunkan dan menambah baik infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat, serta memastikan keperluan pengawalseliaan dan juga keperluan operasi.

Pada tahun 2007, sebanyak RM298 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 28 program pengukuhan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS. Hasilnya, lebih daripada 7,700 PKS telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Sebanyak 22 daripada kesemua program tersebut memberi tumpuan pada usaha memperbaiki dan membina infrastruktur fizikal baharu untuk menyokong PKS dalam operasi perniagaan mereka.

Pencapaian utama program pada tahun 2007 termasuk penyediaan premis perniagaan di lokasi strategik yang disewakan kepada 4,750 PKS. Selain itu, sebanyak 2,950 usahawan tani telah mendapat manfaat daripada 178 pusat pengumpulan, pembungkusan, pengagihan dan pemasaran pertanian yang ditubuhkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan penyertaan masyarakat desa, pembaikan selanjutnya terhadap program Pelancongan Desa (*Homestay*) telah dibuat dan berjaya meningkatkan pendapatan purata PKS kepada RM800 sebulan. Satu lagi projek Pelancongan Desa yang dilaksanakan pada tahun 2007 ialah di Kampung Stass, Sarawak. Bilangan usahawan desa juga bertambah dengan pembinaan 45 pejabat pos mini pada tahun itu.

Sebanyak 34 program sedang dilaksanakan pada tahun ini, dengan tumpuan terhadap pengukuhan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS. Bagi tujuan ini, jumlah perbelanjaan kewangan adalah sebanyak RM600 juta. Berlandaskan program yang sedia ada, 11 program baharu dijadualkan dilaksanakan pada tahun 2008 melalui sepuluh Kementerian dengan komitmen kewangan sebanyak RM40.1 juta. Pencapaian yang dijangka pada tahun 2008 termasuklah penubuhan Pusat Sumber dan pembentukan Direktori dalam talian bagi industri landskap. Pembaikan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) selanjutnya termasuklah pembentukan E-pendaftaran dan Penilaian Vendor bagi memudahkan pendaftaran dan pemantauan prestasi vendor TNB. Pada tahun 2008 juga, Agensi Penyelaras Pusat PKS yang dinamai SME Corporation Malaysia (SME Corp.) akan ditubuhkan untuk menyelaraskan perumusan dasar dan program pembangunan PKS. SME Corp. juga bertindak sebagai pusat maklumat sehenti bagi PKS mendapatkan maklumat komprehensif dan khidmat nasihat.

(Sila rujuk Bab 4 untuk maklumat lanjut mengenai SME Corp.)



1. Infrastruktur Fizikal - Bersatu Teguh

PKS yang beroperasi secara bersendirian akan menghadapi kesukaran untuk membuat pembelian secara pukal, dan oleh itu tidak dapat mempergunakan peluang pasaran yang memerlukan jumlah pengeluaran yang besar, kualiti yang tinggi, serta bekalan yang tetap. Ciri PKS yang beroperasi secara bersendirian juga menjadi penghalang terhadap usaha untuk melatih pekerja, membuat penyelidikan pasaran, menaik taraf logistik, serta membuat inovasi teknologi. Oleh itu, bagi mengekalkan margin keuntungan mereka yang sememangnya kecil, usahawan kecil biasanya tidak melabur semula dan membuat inovasi produk dan proses

Satu penyelesaian yang wajar ialah pembentukan kelompok yang sekurang-kurangnya dapat menawarkan PKS dengan kelebihan ekonomi luaran, termasuk potensi untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan memperluaskan pasaran produk mereka (*scale and scope*). Kerjasama melalui kelompok dan rangkaian hubungan akan membolehkan perkongsian maklumat, sumber, pengetahuan dan kemahiran teknikal, serta membuka ruang bagi tindakan bersama yang lain. Kesemua ini mengurangkan kos urus niaga lantaran meningkatkan lagi daya saing.

Mencapai Ekonomi Ikut Bidang

Hab Strategik

Rangkaian hubungan melalui hab strategik menawarkan saluran penting bagi setiap PKS menangani masalah dan meningkatkan daya saing mereka. Oleh itu, program telah ditambah untuk meningkatkan dan membina kelompok fizikal PKS dalam taman perniagaan, pusat pemprosesan dan pengagihan, serta kilang.

Berikutan itu, bilangan hab strategik dalam bentuk kawasan perindustrian dan taman Halal telah ditambah sebagai usaha berterusan untuk menawarkan PKS strategi pengeluaran yang berdaya maju bagi mencapai pertumbuhan kompetitif yang berterusan dalam persekitaran yang menggalakkan.

Bilangan kawasan perindustrian dan taman Halal telah ditambah untuk menawarkan PKS strategi pengeluaran yang berdaya maju bagi mencapai pertumbuhan kompetitif yang berterusan dalam persekitaran yang menggalakkan

Malaysia berhasrat menjadi pengeksport bersih makanan menjelang tahun 2010. Bagi mencapai wawasan ini, sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai jentera pertumbuhan ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Inisiatif yang digariskan dalam RMKe-9 merangkumi penubuhan “Agropolis” dan Terminal Makanan Negara (TEMAN), pembangunan yang lebih giat bagi kelompok perindustrian kelapa sawit, lembah ternakan, dusun buah-buahan, dan taman akuakultur. Pada tahun 2007, Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Projek Perladangan Berkelompok berjaya membantu PKS yang mengambil bahagian mencapai 75% daripada hasil potensi dan meningkatkan hasil tanaman.

Pusat pembungkusan, pengagihan dan pemasaran produk juga akan diperbanyakkan bagi memastikan pengagihan produk pertanian dan asas tani PKS adalah cekap lagi berkesan. Pada tahun 2007, sebanyak 178 pusat pembungkusan, pengagihan dan pemasaran pertanian ditubuhkan oleh FAMA dan langkah ini berjaya memberi manfaat kepada 2,950 usahawan tani. Di samping menawarkan usahawan mikro peluang menambah nilai kepada sistem dan proses mereka, pusat-pusat tersebut juga membantu penjalinan rangkaian hubungan baharu supaya PKS boleh memasarkan produk mereka secara langsung.

PUSPRO - Kecemerlangan Pemasaran

Pusat Persediaan Produk (PUSPRO) memainkan peranan penting dalam menyediakan bantuan pemasaran kepada PKS dan menghubungkan pengeluar dengan rangkaian bekalan produk makanan. Dengan matlamat untuk membantu usahawan tani mencapai tahap rantai nilai yang lebih tinggi, pusat ini bukan sahaja membeli produk tempatan terpilih untuk diproses bahkan menawarkan perkhidmatan pemasaran lain yang berkaitan dengan khidmat nasihat seperti:

- **Khidmat Rundingan Kualiti dan Piawai**

PKS perlu mematuhi piawai dan peraturan kebersihan dan keselamatan antarabangsa untuk menembusi pasaran eksport. Namun, bagi kebanyakan PKS, inisiatif ini di luar jangkauan kewangan mereka. PUSPRO membantu PKS mendapatkan sistem pengiktirafan antarabangsa, termasuk *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP), Halal JAKIM, piawai ISO, *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal). Kesemua sistem ini diaudit oleh SIRIM setiap tahun bagi memastikan piawai dikekalkan.

PUSPRO Rengit mendapat pengiktirafan ISO 9001:200 dan pensijilan Halal bagi premisnya. Sistem-sistem ini diaudit oleh SIRIM secara tahunan bagi memastikan piawaian dikekalkan. PUSPRO membantu PKS dalam menaik taraf kualiti produk-produk mereka atau menggunakan premis PUSPRO sebagai alternatif untuk mengeluarkan produk-produk yang diperakui melalui kontrak pengeluaran yang ditawarkan FAMA. Pada tahun 2007, 41 PKS memperoleh pensijilan ISO Halal melalui pelbagai pusat PUSPRO.

- **Tempat Mendapatkan Latihan**

Kursus dan khidmat nasihat mengenai keperluan pemasaran produk pertanian dan makanan merangkumi pelbagai peringkat rantai bekalan - dari awal hingga akhir, boleh didapati di beberapa premis PUSPRO. Kursus juga boleh dikendalikan di premis PKS. Program-program tersebut terbukti berjaya memandangkan 360 PKS telah mendapat manfaat daripadanya. Pada tahun 2008, terdapat perancangan untuk menyediakan lebih banyak kursus sejajar dengan permintaan yang semakin bertambah.

- **Pengilangan Secara Kontrak**

PUSPRO membantu usahawan tani yang tidak mempunyai kemudahan pemprosesan untuk memasarkan produk mereka. Ini dilakukan dengan PUSPRO sendiri mengeluarkan produk di bawah nama jenama PKS berkenaan.

- **Promosi Eksport**

PKS dibantu dari segi pembungkusan dan pelabelan, pematuhan terhadap piawai antarabangsa, kemudahan penyimpanan termasuk storan sejuk, serta pengangkutan dan akreditasi dalam piawai kualiti agar mereka sedia untuk mengeksport. PUSPRO juga membantu memasarkan produk PKS di bawah jenama FAMA, seperti AgroMas dan OleMas. Antara kisah kejayaan PKS termasuk MHP Enterprise yang mengeluarkan pes kacang tanah menggunakan jenama AgroMas. Pada tahun 2007, jualan tahunan syarikat ini meningkat 20% kepada RM1.2 juta. Begitu juga dengan Muslim Best Food Industries, pengeluar sos dan kicap, yang menunjukkan peningkatan dalam mempelbagaian produk dengan jualannya mencecah RM10 juta.

- **Vendor/Pengilang Peralatan Tulen (OEM)**

Program ini membantu PKS memasarkan produk samada melalui proses penjenamaan atau di bawah jenama FAMA, iaitu AgroMas dan OleMas. AgroMas dan OleMas merupakan jenama bagi produk yang telah diproses, dan Malaysia's Best merupakan jenama yang diperakui kualiti dan keselamatannya, diurus oleh FAMA. Untuk melayakkan diri dalam skim ini, PKS perlu menawarkan produk unik yang boleh dipasarkan. Contoh kerjasama yang berjaya dengan FAMA ialah jenama Halazat yang mengeluarkan produk kicap pedas yang unik. Jenama tersebut, milik sebuah syarikat Malaysia, bermula sebagai industri kotej di Brunei Darussalam dengan pengedaran dua jenis kicapnya. PUSPRO memainkan peranan penting dalam memasarkan jenama tersebut kepada pengguna di Malaysia. Bantuan juga diperoleh dalam bentuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) melalui MARDI untuk menggantikan penggunaan lada segar dari Thailand yang berharga tinggi.

Bagi memastikan jaminan kualiti semua produk yang dikeluarkan, PUSPRO merancang memperluas perkhidmatannya, termasuk membina makmal bagi memperbaiki R&D untuk teknologi makanan dan juga menaik taraf mesin pengujian produk bagi memastikan keputusan ujian yang cekap dan tepat.

Kini, terdapat sembilan buah PUSPRO di seluruh negara, iaitu di Johor, Selangor, Kelantan, Perlis, Kedah, Perak, Melaka dan Sabah. Di penghujung RMKe-9, FAMA dijangka mempunyai sekurang-kurangnya sebuah pusat PUSPRO di setiap negeri dan pusat-pusat sedia ada akan mengembangkan perkhidmatan mereka untuk membantu PKS memasarkan produk di dalam negeri dan peringkat global.

(Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.famaxchange.org>)

PUSPRO Rengit, Johor

PUSPRO Rengit menawarkan pelbagai perkhidmatan, merangkumi keseluruhan rantai pengeluaran, daripada pencarian sumber dan pemerolehan bahan mentah kepada pemasaran produk yang dikeluarkan. Pusat di Johor ini yang mempunyai 21 orang pekerja, gigih dalam menyediakan bantuan kepada PKS yang menghadapi kesulitan, terutamanya dalam bidang pembungkusan, pemasaran dan pemerolehan pensijilan ISO dan Halal. Pusat tersebut juga merupakan hab pemprosesan produk berasaskan roselle. Kini, 22 PKS berjaya mengeluarkan dan memasarkan produk mereka dengan menggunakan kemudahan pengilangan di PUSPRO yang diperakui sepenuhnya.



Benefisiari Program PUSPRO Rengit

Aslah Sdn Bhd - Roselle Beku

Cerita kejayaan yang ada hari ini termasuk kisah syarikat pengeksport roselle segar beku, Aslah Sdn Bhd (Aslah). Perusahaan milik Encik Rizuan Nizar, memulakan operasi pada tahun 2006, dengan modal berbayar hanya sebanyak RM20,000. Setahun kemudian, jualan Aslah melebihi RM500,000. Latar belakang Encik Rizuan dalam bidang pemasaran makanan membolehkannya melihat potensi roselle beku. Selepas mendapati adanya jurang dalam pasaran, beliau membuat kajian lanjut dan berjaya mendapat kontrak di luar negara bagi produk tersebut. Beliau mengemukakan cadangannya kepada FAMA. Susulan itu, PUSPRO membantunya mendapatkan bahan mentah daripada peladang tempatan, menyediakan produk untuk pembekuan, pembungkusan dan juga kemudahan bilik sejuk. Roselle beku tersebut dieksport ke Australia. Di sana, roselle tersebut seterusnya diproses menjadi produk makanan sebelum dieksport ke 16 negara lain. Antara perancangan masa hadapan Aslah adalah untuk menambah bekalan ke negara lain dan mengeluarkan produk berasaskan roselle yang lain.



Green Mix Resources (GMR)

Kordial Roselle D&O

Penyelidikan dan kajian menunjukkan bahawa roselle kaya dengan nutrien dan mengandungi Vitamin C, sembilan kali ganda lebih tinggi berbanding buah kismis hitam, dan tiga kali ganda berbanding buah-buahan sitrus. Roselle juga mudah ditanam dan cepat mengeluarkan hasil, iaitu dalam masa tiga bulan sahaja. Roselle yang ditanam secara meluas di timur Kelantan dikesan potensinya oleh GMR, syarikat pengeluar kordial roselle pekat di bawah jenama D&O. Syarikat yang ditubuhkan pada bulan November 2006, kini membekalkan hampir 60,000 botol setahun ke pelbagai agensi Kerajaan dan juga ke Brunei Darussalam dan Singapura. Syarikat ini menerima bantuan PUSPRO dari segi pelabelan, pembungkusan dan pemprosesan, serta pengiktirafan kualiti dan keselamatan bagi memenuhi piawai antarabangsa. GMR juga menyertai pelbagai pameran perdagangan anjuran Kerajaan lantaran membuka peluangnya menembusi pasaran luar negara. Syarikat ini kini sedang dalam proses rundingan dengan Arab Saudi dan Indonesia untuk membekalkan produk ini di negara-negara ini. Menyedari potensinya, syarikat ini sedang merancang menambah jualannya dalam pasaran eksport.

Kawasan Perindustrian

Pada tahun 2007, Taman Halal menjadi semakin penting dalam kawasan perindustrian. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan perindustrian dan memperkukuh kedudukan negara sebagai Hab Halal antarabangsa menjelang tahun 2010.

Bagi memastikan peserta industri Halal boleh mengeluarkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang komprehensif pada harga yang kompetitif, kompleks kilang khusus kini sedang dibina. Taman Halal bakal menempatkan penyewa utama dan vendor sokongan bagi memperkukuh rangkaian bekalan produk Halal untuk pasaran eksport.

Pada tahun 2007, Taman Halal di Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor mula beroperasi. Pada tahun 2008, beberapa Taman Halal di beberapa negeri, termasuk Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan, iaitu penambahan kepada 13 Taman Halal yang sedia ada di seluruh negara. Di bawah Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), perancangan sedang dibuat untuk memulakan operasi Taman Makanan Halal Prima di Gambang menjelang tahun 2009.

Taman Pengeluaran Produk Usahawan (TPPU) di Rembau dan Serkam sedang dalam proses pembinaan. Ini merupakan usaha sama antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD), SIRIM, SMIDEC dan pemilik tanah MIEL, serta Kerajaan Negeri Melaka.

Untuk meningkatkan penyertaan PKS dari kawasan luar bandar, Kerajaan telah menambah infrastruktur dengan menyediakan premis perniagaan, kilang dan bengkel. Pada tahun 2007, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (MRRD) dan MECD menyediakan 4,750 premis perniagaan, kilang dan bengkel bagi PKS luar bandar. MECD turut membelanjakan sebanyak RM5 juta pada tahun 2007 untuk menyediakan kemudahan asas bagi 307 kilang untuk disewakan kepada usahawan Bumiputera.

Dalam pembangunan infrastruktur fizikal, MECD melalui Agensinya, Majlis Amanah Rakyat (MARA), syarikat pembangunan harta tanahnya, UDA Holdings Berhad, dan juga agensi ekonomi negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) akan membeli dan membina bangunan baharu termasuk kilang, kompleks perniagaan, lot kedai dan gerai untuk disewakan pada kadar lebih murah daripada kadar pasaran. Peruntukan kewangan diberikan kepada pihak berkuasa tempatan untuk membangunkan, menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur fizikal bagi pasar awam, gerai, pusat penjaja, medan selera dan rumah kedai. Sehingga bulan November 2007, sebanyak 70% daripada RM47 juta yang diluluskan telah digunakan.

Skim Pinjaman Mudah bagi Penempatan Semula Kilang telah disediakan oleh MITI untuk membantu PKS berpindah ke tapak perindustrian yang ditetapkan sambil membolehkan mereka memperoleh aset yang dapat meningkatkan keupayaan mereka. Pada tahun 2007, sebanyak RM3.75 juta dikeluarkan kepada PKS. Pada tahun 2008, sebanyak RM4 juta lagi diperuntukkan untuk membantu PKS.

Kelompok Teknologi

Kewujudan kelompok atau rangkaian hubungan boleh digalakkan dan diperkukuh melalui perkongsian strategik. Oleh itu, perkongsian awam-persendirian semakin digalakkan untuk menjadi pemacu utama dalam menjana pertumbuhan dinamik dalam sektor ICT PKS. Dengan dikelompokkan dalam sistem pengeluaran tempatan, usahawan tekno, universiti dan institusi penyelidikan boleh mengumpulkan sumber dan berkongsi kos latihan, penyelidikan dan pemasaran. Kerajaan sedang mengkaji pusat-pusat inkubasi tersebut bagi membantu PKS menghadapi cabaran globalisasi.

Matlamat am kebanyakan inkubator teknologi adalah untuk membangunkan syarikat dan merangsang keusahawanan. Matlamat lain termasuk mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan teknologi, membangunkan produk, mengkomersialkan hasil penyelidikan, serta mewujudkan modal usaha niaga dan peluang pelaburan perniagaan. Di samping menyediakan perkhidmatan am seperti ruang kerja, kemudahan pejabat dan kemudahan asas yang boleh dikongsi, bantuan perniagaan dan khidmat nasihat bagi syarikat penyewa, setiap inkubator juga mengkhusus dan menyediakan teknologi dan perkhidmatan sokongan teknikal atau pakej kewangan yang berbeza

Pada tahun 2007, Program Kelompok Pembangunan Teknologi telah dipertingkatkan melalui penekanan yang lebih besar terhadap perkhidmatan bimbingan seperti pengurusan kewangan dan risiko, pengurusan Harta Intelektual (IP), galakan amalan terbaik dan perkhidmatan mentor untuk semua PKS. Dengan diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), program kelompok ini diperkenalkan untuk mengumpulkan syarikat berteknologi tinggi yang sedang bekerjasama dengan universiti dan institut penyelidikan, dalam persekitaran yang menggalakkan interaksi dan meningkatkan kerjasama. Ia juga membantu PKS merapatkan jurang antara R&D dengan usaha mengkomersialkan-ke-pasaran.

Bagi membolehkan usahawan tekno mendapat akses kepada perkhidmatan yang dinyatakan di atas, Program Pembiayaan Modal Benih Usahawan Tekno MDec (*MDec Technopreneur Pre-Seed Funding Programme*) menawarkan peluang kepada usahawan tekno yang baharu untuk menceburi aktiviti mengkomersialkan hasil kajian oleh universiti dan institut penyelidikan. Pada tahun 2007, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan MARA telah menyediakan peruntukan kepada sebanyak 50 usahawan tekno untuk menyertai Program Pusat Inkubas.

Kelompok Pembangunan Teknologi juga akan menyediakan kemudahan tambahan yang boleh digunakan bersama bagi memenuhi keperluan khusus usahawan tekno bagi pembangunan industri bioteknologi dan biopertanian. Untuk tujuan ini, dana sebanyak RM1 bilion yang diperuntukkan di bawah program ini akan digunakan.

2. Infrastruktur Pengawalseliaan - Piawai Kecemerlangan

Globalisasi bukan sahaja membawa ancaman tetapi juga peluang baharu bagi pengembangan dan pertumbuhan PKS. Bagi membolehkan PKS bersaing dengan berkesan, mereka perlu berusaha memenuhi keperluan pasaran global seperti pematuhan terhadap piawai antarabangsa dalam bidang kesihatan, keselamatan, alam sekitar, pekerja dan kualiti.

PKS perlu berusaha memenuhi keperluan pasaran global, seperti pematuhan terhadap piawaian antarabangsa

Pada tahun 2008, MOSTI akan membangunkan 388 piawai Malaysia yang berkaitan dan memenuhi keperluan PKS. Ini bertujuan meningkatkan daya saing PKS melalui penerapan piawai Malaysia. Satu program akreditasi pusat tapak semaian dan pusat taman akan diwujudkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MHLG) bagi menggalakkan amalan pengurusan yang baik bagi tapak semaian landskap di seluruh negara. MHLG juga akan menghasilkan piawai spesifikasi dan penentuan harga bahan tanaman untuk panduan semua pihak, khususnya pengusaha nurseri kecil dan kontraktor landskap.

Penyelarasan pendaftaran dan pelesenan bagi industri pelancongan desa juga akan dilaksanakan pada tahun 2008 oleh Kementerian Pelancongan (MOTOUR). Langkah ini bertujuan menggalakkan pengusaha pelancongan desa yang layak menyertai program tersebut. Menurut syarat pendaftaran, peserta perlu menghadiri dan menamatkan Kursus Asas Pelancongan Desa anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA), MRRD, selain pemeriksaan rumah oleh Panel Pemeriksa yang terdiri daripada MOTOUR/Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, Pelancongan Malaysia, Kementerian Kesihatan, pihak berkuasa tempatan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

3. Infrastruktur Maklumat - Pengetahuan Elemen Penting

Perisikan pasaran adalah penting untuk memudahkan kemasukan ke pasaran baharu dan mengetahui trend industri agar terus berdaya saing. Akses kepada sumber sekunder adalah penting kerana ia telah merangsang usaha menyelaraskan dan memusatkan maklumat, serta memperbesar pangkalan data pada tahun 2007.

Perisikan pasaran adalah penting untuk memudahkan kemasukan ke pasaran baharu dan mengetahui trend industri

Satu inisiatif utama pada tahun 2007 ialah penubuhan Pusat Rujukan Inovasi PKS Kebangsaan pada bulan Mac. Pusat ini yang merumuskan inisiatif dan program pembangunan PKS yang berteraskan inovasi, merupakan kerjasama antara persatuan industri, usahawan, institut penyelidikan, pembiaya kewangan (termasuk pembiaya modal usaha niaga) dan agensi Kerajaan yang berkenaan. Sejak ditubuhkan, pusat ini telah menghasilkan beberapa inisiatif termasuk:

- **Pangkalan Data Teknologi**
Pangkalan data yang dihasilkan melalui kerjasama dengan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) mengandungi 276 hasil penyelidikan yang sedia-untuk-dikomersialkan. Hasil penyelidikan tersebut dipadankan terlebih dahulu dengan bantuan kewangan yang bersesuaian untuk memudahkan usaha mengkomersialkannya oleh PKS.

Pangkalan Data Teknologi ini boleh diakses melalui portal SMIDEC di www.smidec.gov.my di bawah "TECHMART". Tahun 2008, SMIDEC bersama-sama dengan MASTIC sedang dalam proses menyediakan pangkalan data profil pakar MASTIC menerusi laman web SMIDEC. Langkah ini bertujuan menggalakkan lebih banyak PKS melibatkan diri dalam aktiviti mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan.
- **Pangkalan Data Aspirasi Teknologi**
Pangkalan data ini menyimpan hasil penyelidikan berkaitan teknologi lantas membolehkan PKS mengetahui maklumat terkini tentang teknologi amalan terbaik, termasuk Pemetaan Teknologi dalam pelbagai subsektor industri. Kini, tiga Hala Tuju Teknologi berserta pelan tindakan dan programnya telah dikenal pasti bagi sektor elektrik dan elektronik di Pulau Pinang, ICT serta bioteknologi.

- Pameran Inovasi dan Teknologi
Dianjurkan sempena SMIDEC 2007 dengan sebanyak 53 projek penyelidikan sedia-untuk-dikomersialkan telah dipromosikan. Susulan pameran ini, 22 projek penyelidikan telah digunakan oleh PKS.
- Program Pembekal Global (GSP)
Program ini menggalakkan PKS mengkomersialkan dan membangunkan produk dan perkhidmatan baharu. SMIDEC berganding bahu dengan Pusat Penyelidikan Inovasi Global (GIRC) British Telecom (BT) untuk membangunkan PKS sebagai bakal pembekal kepada BT, dan juga syarikat multinasional (MNC) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) lain. Sehingga kini, lima PKS telah bekerjasama dengan BT, United Kingdom untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka dengan anggaran pendapatan sebanyak RM110 juta.

Pusat Rujukan Inovasi PKS Kebangsaan akan membuat laporan tentang aktiviti yang telah dilaksanakan, sementara aktiviti yang dicadangkan bagi pelan tindakan telah dikumpulkan untuk memudahkan pemantauan dan pelaksanaan.

Satu lagi inisiatif penting pada tahun 2007 ialah pembentukan Pangkalan Data PKS Kebangsaan. Pangkalan data ini menyediakan maklumat tepat pada masanya mengenai PKS kepada pihak yang berkepentingan bagi tujuan menilai prestasi, memantau sumbangan PKS kepada ekonomi, dan memudahkan pembuatan keputusan berhubung dengan pembangunan dan keperluan latihan PKS. Fasa pertama projek ini telah disempurnakan dan pembuat dasar serta penganalisis kini mempunyai akses kepada pangkalan data ini untuk mendapatkan statistik penting berkaitan aktiviti ekonomi PKS. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) telah diberi mandat untuk menyenggara pangkalan data ini. Fasa kedua pangkalan data ini sedang dilaksanakan untuk menyepadukan sistem Kementerian dan Agensi dengan pangkalan data ini. Ini memastikan maklumat penting mengenai program dan inisiatif pembangunan PKS akan dapat dikumpulkan daripada Kementerian dan Agensi berkaitan, lantas memastikan pangkalan data ini berupaya membekalkan maklumat PKS yang relevan, berterusan dan terkini.

Pemusatan maklumat banyak manfaatnya. Ia bukan sahaja membantu PKS membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi bahkan membolehkan aktiviti menanda aras dipertingkatkan. Pangkalan data boleh menjadi alat berkesan bagi pertukaran dan perkongsian pengetahuan. Keupayaan memantau dan menilai inisiatif yang sedang dilaksanakan dapat membantu Kementerian dan Agensi dalam merumuskan dasar yang berkesan.

Satu lagi inisiatif penting yang dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan untuk meningkatkan penyampaian dan keberkesanan program bagi PKS ialah Rangka Kerja Pengurusan Rangka Tindakan PKS. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2005, Rangka Tindakan ini telah menghasilkan beberapa manfaat penting:

- Program dorongan prestasi bertumpukan PKS telah dirumuskan dan dilaksanakan untuk mencapai hasil yang disasarkan, dan yang boleh diukur;
- Kerjasama dan penyelarasan antara, dan dalam kalangan Kementerian, dalam pelaksanaan program pembangunan PKS telah dipertingkatkan; dan
- Komitmen Kementerian dan Agensi yang semakin tinggi, seperti ditunjukkan oleh pemantauan berstruktur dan pengesanan berterusan terhadap program PKS bagi memastikan matlamat pembangunan PKS akan tercapai.

Trend semasa dalam liberalisasi perdagangan dan peningkatan globalisasi menekankan hakikat bahawa hanya perusahaan perniagaan yang boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu ini sahaja yang boleh terus bertahan dan berjaya. Berlatarbelakangkan keadaan perniagaan sedemikian, pencapaian pertumbuhan yang mampan bagi PKS bukan hanya bergantung pada kecekapan pengeluaran, tetapi juga keupayaan membuat inovasi dan meningkatkan kemahiran teknikal secara berterusan. Menyedari hakikat ini, infrastruktur fizikal, pengawalseliaan dan maklumat telah diperkukuh untuk membolehkan PKS bersaing dengan berkesan.